



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA  
SURAT PEKELILING BIL. 2/2017**

16 Mei 2017

Kepada : Semua Firma Perunding Ukur Bahan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**GARISPANDUAN PENGGUNAAN KEPALASURAT RASMI FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN**

**1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai format Kepalasuat Rasmi yang boleh digunakan oleh Firma Perunding Ukur Bahan.

**2.0 TAFSIRAN**

Bagi tujuan garis panduan ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- (i) "Firma Perunding Ukur Bahan" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM
- (ii) "pejabat cawangan" merupakan kesinambungan daripada pejabat utama yang berada di lokasi yang berlainan. Pejabat Cawangan mesti berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM

**3.0 LATAR BELAKANG**

Garis panduan penggunaan kepalasuat Firma pernah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling LJBM No 1/1999 bertarikh 22.05.1999 manakala garis panduan mengenai kepalasuat Pejabat Cawangan turut dimasukkan di dalam Surat Pekeliling Bil 1/2011 bertarikh 19.09.2011. Kedua-dua keperluan ini telah pun dimasukkan ke dalam Garispanduan Pendaftaran LJBM. Namun demikian, Garispanduan ini perlu diperjelaskan selaras dengan prosedur terkini pendaftaran.

**4.0 GARISPANDUAN KEPALASURAT RASMI FIRMA**

4.1 Kepalasuat rasmi Firma Perunding Ukur Bahan mesti mengandungi maklumat-maklumat berikut :

- (i) Nama, Alamat dan Logo Firma (jika ada)
- (ii) No Pendaftaran Firma
- (iii) Nama dan Kelayakan prinsipal/ rakankongsi/ pengarah yang berstatus Juruukur Bahan Consultant (CQS) sahaja
- (iv) Alamat Pejabat Cawangan dan nama pengurus pejabat cawangan (berstatus CQS/PQS) (jika ada)

4.2 Maklumat-maklumat selain daripada perkara 4.1 hanya boleh dipaparkan sekiranya telah mendapat kelulusan secara bertulis oleh LJBM

- 4.3 Maklumat-maklumat lain yang boleh dipaparkan tanpa memerlukan kelulusan LJBM adalah seperti berikut :
- (i) Logo Persijilan ISO
  - (ii) No Pendaftaran Perniagaan dan No Pendaftaran GST
  - (iii) Anugerah berkaitan industri pembinaan yang diterima oleh firma
  - (iv) Logo Badan/Institusi Profesional, termasuk LJBM dengan syarat berikut :
    - Logo LJBM diletakkan terlebih dahulu dan diikuti dengan logo badan/ institusi lain
    - Bagi logo badan/ institusi selain LJBM, firma perlu memastikan mereka mendapat kebenaran daripada badan/institusi terbabit untuk penggunaan logo mereka .
- 4.4 Pejabat Cawangan  
Pejabat Cawangan **TIDAK** dibenarkan menggunakan kepala surat sendiri.
- 4.5 Pengecualian  
Nama dan kelayakan rakankongsi/ pengarah firma berstatus Juruukur Bahan Professional (PQS) dibenarkan untuk dimasukkan di dalam kepalasuat rasmi firma sekiranya pelantikan mereka telah diluluskan sebelum 31.12.2016.
- 4.6 Contoh kepalasuat rasmi adalah seperti di Lampiran 1  
(susun atur maklumat seperti para 4.1, 4.2 dan 4.3 di atas adalah mengikut pilihan firma masing-masing)

## 5.0 **TARIKH KUAT KUASA**

- 5.1 Keperluan-keperluan di atas adalah berkuatkuasa serta-merta. Firma Perunding Ukur Bahan dibenarkan untuk menggunakan kepalasuat rasmi sedia ada sehingga 31.12.2017.
- 5.2 Kepalasuat rasmi dengan contoh format baru yang telah ditetapkan adalah keperluan mandatori bagi pembaharuan pendaftaran tahun 2018.

## 6.0 **PEMBATALAN**

Surat Pekeliling ini membatalkan surat Pekeliling Bil 1/1999 bertarikh 22.05.1999 dan Bil 1/2011 bertarikh 19.09.2011.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Benar,

  
/DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH, CQS  
Yang DiPertua  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

**LAMPIRAN 1**



**ABC QS SDN BHD**

(BQSM Registration No : 2017/FC00056 Company Registration No : 456789-A)

Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

Tel : 03-26108140 Fax : 03-26925680 E-mail : info@bqsm.gov.my

Directors :

Sr Roziyah Ismail, *CQS*

Sr Nik Zainal Alam Hasan, *CQS*

Johor Branch : No. 51, Jalan Utama 43, Mutiara Square, 81300 Johor Bahru, Johor (Branch Manager : Sr NIK Zainal Alam Hasan, *CQS*)  
Tel : 03-26108140 Fax : 03-26925680 E-mail : info@bqsm.gov.my

